

# Information Sheet

Protecting the human rights of adults with decision-making disabilities

## 10. PERANCANGAN UNTUK MASA HADAPAN

Peguam Awam menyediakan khidmat nasihat melalui telefon (1300 858 455) yang menyediakan maklumat mengenai surat kuasa wakil berkekalan dan surat kuasa penjagaan berkekalan. Maklumat yang direkodkan merangkumi jawapan kepada pelbagai soalan lazim mengenai surat kuasa wakil berkekalan dan surat kuasa penjagaan berkekalan dan tersedia ada 24 jam sehari. Untuk bercakap dengan anggota pegawai penasihat, hubungi perkhidmatan ini di antara jam 9.00 pagi dan 4.30 petang, Isnin hingga Jumaat.

### KENAPA PERLU SAYA MERANCANG UNTUK PEMBUATAN KEPUTUSAN MASA DEPAN?

Sepanjang hidup kita membuat pelbagai keputusan tentang bagaimana kita menjalani kehidupan berdasarkan kecenderungan peribadi, kepercayaan dan nilai yang dipegang. Sekiranya kemalangan atau penyakit mengakibatkan beberapa bentuk ketidakupayaan membuat keputusan yang menghalang anda daripada membuat keputusan anda sendiri, anda mungkin ingin mempunyai kawalan bagaimana ia dibuat.

Perancangan untuk masa depan akan membolehkan anda memilih bagaimana keputusan rawatan dibuat pada masa akan datang dan/atau siapa yang akan membuat keputusan peribadi, gaya hidup dan rawatan bagi pihak anda, sekiranya anda tidak mampu untuk berbuat demikian. Dengan membuat persiapan untuk masa depan, anda juga akan berpeluang memberi pihak yang anda tetapkan sebagai pembuat keputusan beberapa panduan tentang pilihan peribadi anda yang akan membantu mereka dalam membuat keputusan demi kebaikan anda.

### APAKAH PILIHAN PERANCANGAN YANG TERSEDIA ADA UNTUK SAYA?

Di Australia Barat terdapat tiga kaedah perundangan yang boleh membantu anda merancang bagaimana keputusan dibuat bagi pihak anda pada masa akan datang. Ini adalah:

- **Surat kuasa wakil berkekalan:** yang membolehkan anda melantik seseorang untuk membuat keputusan berkenaan kewangan dan harta benda
- **Surat kuasa penjagaan berkekalan:** yang membolehkan anda untuk melantik seseorang untuk membuat keputusan peribadi, gaya hidup dan rawatan
- **Arahan Kesihatan Pendahuluan:** yang membolehkan anda untuk menetapkan secara bertulis keputusan anda mengenai rawatan khusus dan penjagaan kesihatan yang anda mahu dalam keadaan perubatan tertentu.

# Information Sheet

Protecting the human rights of adults with decision-making disabilities

## PERLUKAH SAYA MENDAFTAR APA-APA DOKUMEN

Tidak ada keperluan untuk mendaftar mana-mana surat kuasa ini. Walau bagaimanapun, bagi memastikan kehendak anda dituruti, pihak Peguam Awam mengesyorkan agar anda memberi penjaga yang kekal dan/atau wakil anda, doktor anda, mana-mana profesional kesihatan lain dan ahli-ahli keluarga salinan dokumen-dokumen yang disahkan. Sekiranya anda mempunyai hartanah dan anda membuat surat kuasa wakil berkekalan, anda perlu mempertimbangkan sama ada anda menyerahkannya dengan Landgate. Untuk maklumat lanjut mengenai perkara ini, rujuk kepada Lembaran Maklumat 8 –Surat Kuasa Wakil Berkekalan atau Kit Maklumat Surat Kuasa Wakil Berkekalan.

## PERLUKAH SAYA MEMILIKI KAPASITI UNDANG-UNDANG?

Untuk melantik seorang wakil atau penjaga yang berkekalan dan/atau membuat suatu Arahan Kesihatan Pendahuluan, anda mesti mempunyai apa yang disebut dalam undang-undang sebagai 'keupayaan sah penuh'. Ini bermakna anda mesti berupaya membuat keputusan yang sewajarnya dan dengan itu dapat membuat perjanjian formal dan memahami implikasi pernyataan yang terkandung di dalam perjanjian itu, sewaktu melengkapkan borang atau borang-borang tersebut.

Sekiranya terdapat sebarang keraguan tentang keupayaan membuat keputusan seseorang pada masa yang mereka ingin membuat apa-apa surat kuasa, pendapat bertulis seorang doktor atau profesional perubatan/kesihatan yang lain harus didapati.

## DI MANAKAH SAYA BOLEH MENDAPATKAN MAKLUMAT LANJUT UNTUK MEMBANTU PERANCANGAN SAYA?

Maklumat lanjut mengenai cara melengkapkan surat kuasa penjagaan berkekalan dan surat kuasa wakil berkekalan boleh didapati di laman web Pejabat Peguam Awam, di mana anda akan mendapati:

- Panduan Surat Kuasa Wakil Berkekalan di Australia Barat
- Kit Maklumat Surat Kuasa Wakil Berkekalan
- Panduan Surat Kuasa Penjagaan Berkekalan di Australia Barat
- Kit Maklumat Surat Kuasa Penjagaan Berkekalan

Semua penerbitan ini boleh dimuat turun secara percuma dari laman web Pejabat.

Maklumat lanjut mengenai arahan kesihatan pendahuluan boleh didapati dari Jabatan Kesihatan.

Telefon: 9222 2300

E-mel: [acp@health.wa.gov.au](mailto:acp@health.wa.gov.au)

Laman Web: [www.health.wa.gov.au/advancecareplanning](http://www.health.wa.gov.au/advancecareplanning)



# Information Sheet

Protecting the human rights of adults with decision-making disabilities

## UNTUK TAMBAHAN MAKLUMAT HUBUNGI

Pejabat Peguam Awam

PO Box 6293, EAST PERTH WA 6892

Telefon: 1300 858 455

E-mel: [opa@justice.wa.gov.au](mailto:opa@justice.wa.gov.au)

Laman Web: [www.publicadvocate.wa.gov.au](http://www.publicadvocate.wa.gov.au)

Maklumat yang dibentangkan dalam lembaran maklumat ini disediakan secara sukarela sebagai perkhidmatan awam. Maklumat dan nasihat yang diberikan disediakan dengan niat yang baik tetapi diperuntukkan semata-mata atas dasar bahawa pembaca akan bertanggungjawab untuk membuat penilaian mereka sendiri terhadap perkara yang dibincangkan di sini dan bahawa mereka hendaklah mengesahkan semua perwakilan, pernyataan dan maklumat yang berkaitan. Negeri Australia Barat ("negeri") mana-mana agensi atau perantaraan Negeri atau mana-mana pekerja atau ejen Negeri atau mana-mana agensi atau perantaraan Negeri tidak bertanggungjawab terhadap sebarang kehilangan atau kerosakan yang berlaku dan sama ada atau tidak disebabkan oleh kecuaiian yang timbul daripada penggunaan atau kebergantungan kepada apa-apa maklumat atau nasihat yang diberikan dalam Garis Panduan tersebut. 2019